

39

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan Pilihan Raya Umum ke-14 adalah yang paling bersih dan paling adil dari semua pilihan raya.

40

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR menerima pelbagai dakwaan yang tidak berasas terhadap proses pilihan raya yang dilaksanakan oleh SPR. Walau bagaimanapun SPR ingin memaklumkan bahawa wakil-wakil calon yang bertanding dibenarkan untuk menyaksikan proses perjalanan pilihan raya bermula dari pembukaan waktu pengundian sehingga selesai pengiraan undi.

Wakil-wakil calon ini berperanan penting sebagai pemerhati dan pemantau bagi setiap proses pengundian dan pengiraan yang berlaku di Tempat Mengundi (saluran) secara langsung kerana berada di dalam bilik pengundian dan pengiraan undi sepanjang masa.

Mereka yang tidak berpuas hati dengan proses atau keputusan pilihan raya boleh mengemukakan petisyen di Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN M. KULASEGARAN**
[IPOH BARAT]

TARIKH : **29 MAC 2018 (KHAMIS)**

SOALAN : **27**

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil pendapatan yang diperolehi daripada pengutipan denda yang dikenakan berdasarkan kamera perangkap kelajuan yang dipasang di sepanjang jalan raya dan untuk memberi jumlah pendapatan yang diperolehi dari tahun 2015 sehingga ke tahun 2018. Adakah Menteri Pengangkutan mempunyai pengetahuan bahawa kebanyakan masa kereta api ETS tiba lewat ke destinasi-destinasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AwAS). Jumlah kutipan kompaun yang diperolehi daripada penguatkuasaan sistem tersebut bagi tahun 2015 sehingga Januari 2018 adalah sebanyak RM 67,162,025.00.

Tuan Yang di-Pertua,

Kelewatan kebanyakan tren ETS berlaku adalah disebabkan oleh penutupan satu landasan secara berfasa di sektor Rawang ke Salak Selatan sepanjang 41 kilometer bagi memberi laluan kepada kerja-kerja di bawah projek menaiktaraf infrastruktur landasan dan sistem keretapi di Lembah Klang Fasa 1. Oleh yang demikian, tren-tren KTMB terpaksa beroperasi dengan satu landasan sahaja mengikut had kelajuan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, isu kelewatan ini akan dapat diatasi secara berperingkat sehingga projek ini siap sepenuhnya yang dijangka pada bulan November 2019.

KTMB sentiasa membuat pengumuman melalui pelbagai medium seperti di stesen, di atas tren mahupun melalui media sosial berkenaan pemakluman ke atas perubahan jadual waktu perjalanan terutama sekali yang berkaitan dengan kelewatan tren supaya para pengguna boleh membuat perancangan lebih awal.